

|             |                     |            |         |
|-------------|---------------------|------------|---------|
| Headline    | THT lepas geram     |            |         |
| MediaTitle  | Utusan Malaysia     |            |         |
| Date        | 22 Aug 2016         | Language   | Malay   |
| Circulation | 171,663             | Readership | 563,000 |
| Section     | Sukan               | Page No    | 37      |
| ArticleSize | 107 cm <sup>2</sup> | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 4,183            |            |         |



## THT lepas geram

**KUALA TERENGGANU 21 Ogos**

- Pasukan Hoki Terengganu (THT) bangkit daripada kekecewaan menjulang Piala Sumbangsih untuk mengutip tiga mata selepas menundukkan Maybank 5-1 dalam perlawanan Liga Hoki Malaysia (MHL)-TNB, hari ini.

Stadium Hoki Batu Buruk, di sini yang juga gelanggang ketika THT tewas 1-2 kepada Kelab Hoki Kuala Lumpur dalam perebutan Piala Sumbangsih Jumaat lepas, seakan mengulangi nasib malang tuan rumah apabila lawan mendahului seawal minit ke-14 hasil jaringan Hafifi-hafiz Hanafi.

Hasil serangan bertali arus, THT akhirnya mengikat kedudukan pada minit ke-28 apabila Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil bijak memperdaya penjaga gol lawan, Muhammad Zaimi Mat Deris.

THT terus mendominasi perlawanan dan berjaya memperoleh lima pukulan sudut penalti, namun masih gagal

menembusi gawang Maybank dan kedudukan kekal terikat 1-1 hingga rehat suku masa kedua.

Bersambung suku masa ketiga, THT mula mengorak langkah apabila menjaring gol kedua menerusi Jivan Mohan pada minit ke-40 untuk mendahului 2-1.

THT terus menggandakan asakan dan pada minit ke-46, pemain import dari Korea Selatan, Jang Jong Hyun berjaya mengegarkan jaring lawan untuk kedudukan 3-1 menerusi pukulan sudut penalti.

Berselang lima minit kemudian, Jong Hyun sekali lagi menambah jaringan untuk THT, juga menerusi hasil pukulan sudut penalti.

Pemain muda dari skuad Sukan Malaysia (Sukma) Terengganu, Muhamad Amirul Mirza Rozi menambah derita pasukan lawan apabila menjaringkan gol pada minit ke-56 hasil hantaran Mohd. Fitri Saari untuk kedudukan 5-1 yang kekal hingga tamat permainan. - **BERNAMA**